

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 11.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 12

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai “Pelan Induk” untuk menyediakan bekalan air bersih dan terawat di Parlimen Sri Aman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada prinsipnya, penyediaan bekalan air adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN). Tanggungjawab ini termasuklah penyediaan sumber air, pembinaan loji rawatan air, pembinaan paip utama serta penyelenggaraan dan pengoperasian.

Peranan Kementerian adalah membuat sambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah penduduk di luar bandar sejak 2018 berbanding hanya sambungan ke *meter stand* sahaja sebelum ini. Selain itu, Kementerian juga akan melaksanakan projek naik taraf atau membina baru loji rawatan air mengikut keutamaan permohonan di kawasan luar bandar bagi memastikan sistem retikulasi yang dipasang dapat berfungsi dengan baik.

NO SOALAN : 12

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kementerian ini adalah berdasarkan permohonan yang diterima serta kelulusan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan kedudukan kewangan semasa negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Kawasan Parlimen Sri Aman, Kementerian ini sedang dalam perancangan untuk melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Pantu Fasa III, Bahagian Sri Aman, Negeri Sarawak dengan kos siling projek sebanyak RM117 juta. Status projek adalah didalam proses lantikan Perunding. Taklimat tender Perunding telah dilaksanakan pada 20 Jun 2019. Senarai kampung yang terlibat adalah di sepanjang Jalan Kara/Punggu/Ran, sepanjang Jalan Jaong dan sepanjang Jalan Ubah yang akan memberi manfaat kepada 1,300 buah rumah.